

## PERATURAN PEMARKAHAN BK 3 2017 SPM

1 (a)	Namakan bandar yang bertanda	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
	X : Anyang	1
	Y : Loyang	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(b)	Mengapakah kawasan berlorek pada peta di atas maju dalam bidang pertanian?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Pembinaan sistem pengairan / terusan	1
F2	Untuk mengairi kawasan pertanian	1
F3	Kemajuan teknologi pembajakan	1
F4	Penciptaan cangkul	1
F5	Penciptaan sabit	1
F6	Penggunaan batas untuk tujuan penanaman	1
F7	Menggantikan alatan pertanian yang dibuat daripada kayu dengan besi	1
F8	Kedudukannya di kawasan lembah sungai yang subur	1
F9	Kemajuan / Inovasi dalam pertanian	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3m]

(c)	Apakah kepentingan inovasi dalam bidang pertanian?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Meningkatkan produktiviti	1
F2	Meningkatkan pendapatan petani	1
F3	Menjadikan sektor pertanian lebih berdaya saing	1
F4	Menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara	1
F5	Menentukan hasil bekalan makanan berterusan	1
F6	Meningkatkan hasil bagi meluaskan pasaran	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(d)	Bidang pertanian merupakan asas kekuatan sesebuah negara. Berikan alasan anda.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
	Alasan - Pertanian membekalkan sumber makanan	1
	Huraian - Mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dari luar	1
	Kesan - Menyelamatkan pengaliran wang keluar negara	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3m]

2 (a) Mengapakah pelabuhan Melaka mampu menjadi pelabuhan yang pesat?		
Kod	Butiran	Markah
F1	Permintaan yang tinggi terhadap rempah ratus	1
F2	Kedudukan yang strategik	1
F3	Pentadbiran yang licin	1
F4	Adanya jawatan Laksamana untuk mengurus urusan kelautan	1
F5	Peranan Syahbandar sebagai ketua pelabuhan	1
F6	Adanya Undang-undang Laut Melaka	1
F7	Sistem timbang dan sukat yang sistematik	1
F8	Kemudahan yang disediakan di pelabuhan	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

(b) Namakan jenis cukai yang diperkenalkan oleh Melaka.		
Kod	Butiran	Markah
F1	Cukai tetap / cukai import	1
F2	Cukai diraja	1
F3	Cukai barangan	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(c) Bagaimanakah anda menyahut seruan di atas?		
Kod	Butiran	Markah
F1	Melibatkan diri sebagai usahawan muda di sekolah / IPT	1
F2	Menanam minat menjadi petani moden	1
F3	Menjadi ahli koperasi / kelab usahawan muda	1
F4	Membuat blog / media sosial berniaga secara online	1
F5	Menghadiri kursus / seminar keusahawanan	1
F6	Mendaftarkan perniagaan yang dijalankan	1
F7	Tidak menjalankan perniagaan barang-barang yang dilarang	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

3 (a) Namakan undang-undang bertulis tersebut.		
Kod	Butiran	Markah
F1	Hukum Kanun Melaka	1
F2	Undang-undang Laut Melaka	1
	[2 x 1m]	[2m]

(b) Senaraikan empat perkara yang terkandung di 3 (a)		
Kod	Butiran	Markah
F1	Bidang kuasa raja dan pembesar	1
F2	Pantang larang di kalangan masyarakat	1
F3	Hukuman terhadap kesalahan jenayah awam	1
F4	Undang-undang keluarga	1
F5	Pemasalahan ibadah	1
F6	Jenis-jenis hukuman terhadap kesalahan tertentu	1
F5	Tatacara pelayaran di laut	1
F6	Tanggungjawab pengawal kapal	1

F7	Atur cara pelayaran	1
F8	Peraturan perniagaan	1
F9	Bidang kuasa nakhoda kapal	1
F10	Hukuman bagi kesalahan jenayah	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

(c)	Apakah tujuan undang-undang tersebut digubal?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Merupakan cara formal untuk mengawal masyarakat	1
F2	Memelihara keamanan	1
F3	Melindungi rakyat	1
F4	Menentukan stuktur kerajaan, kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan	1
F5	Menentukan bidang kuasa raja dan pembesar	1
F6	Menentukan pantang larang di kalangan masyarakat	1
F7	Menentukan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam	1
F8	Memperuntukkan undang-undang keluarga	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(d)	Mengapakah kedua-dua sumber undang-undang bertulis tersebut perlu dipelihara?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Identiti negara	1
F2	Lambang ketamadunan Melayu	1
F3	Asas pembentukan negara bangsa	1
F4	Asas pemerintahan Raja Berperlembagaan	1
F5	Warisan sejarah menjadi sumber pelancongan	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

4 (a)	Mengapakah kerajaan memberi penekanan kepada dasar-dasar di atas?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Meningkatkan pendapatan sektor pertanian	1
F2	Mengurus sumber ekonomi negara dengan lebih cekap / berkesan	1
F3	Memaksimumkan pendapatan pekebun kecil	1
F4	Memajukan komuniti utama yang berpotensi untuk dieksport	1
F5	Memulihkan kawasan yang berproduktiviti rendah	1
F6	Melibatkan sektor swasta dalam pembangunan projek pertanian	1
F7	Merangsang penglibatan sektor swasta secara aktif dalam pembangunan negara	1
F8	Berkongsi kepakaran antara sektor kerajaan dan swasta	1
F9	Mengurangkan beban kewangan kerajaan	1
F10	Meningkatkan produktiviti / kualiti perkhidmatan / barangan	1
F11	Mempercepatkan pembangunan ekonomi negara	1
F12	Menghasilkan tenaga kerja yang ramai	1
F13	Meluaskan pasaran	1
F14	Memperkuatkan politik / keselamatan negara	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3m]

(b)	Nyatakan strategi kerajaan untuk mencapai Dasar Pertanian Negara.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menggalakkan pembukaan tanah baru / di bawah rancangan FELDA	1
F2	Pembangunan in-situ diperkenalkan	1
F3	Meningkatkan produktiviti kawasan pertanian yang sedia ada	1
F4	Menyediakan perkhidmatan sokongan pertanian	1
F5	Kemudahan pemasaran / kredit / subsidi / penyelidikan	1
F6	Melibatkan sektor swasta dalam projek penswastaaan pertanian	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(c)	Dasar Kependudukan bermatlamat untuk mencapai sasaran 70 juta penduduk menjelang tahun 2100. Jelaskan usaha kerajaan bagi mencapai matlamat dasar ini.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Kementerian Kesihatan mempertingkatkan strategi bagi mengurangkan kadar kematian penduduk dan menambahkan kadar kelahiran penduduk	1
F2	Kementerian Pendidikan juga telah membuat unjuran bagi melihat keperluan bilangan sekolah / pasaran kerja guru	1
F3	Media massa juga mempromosikan rancangan dan program menggalakkan peningkatan jumlah penduduk	1
F4	Lembaga Kependudukan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Kementerian Kesihatan giat memberi perkhidmatan perancangan keluarga	1
F5	Menggalakkan penyelidikan bidang biomedik / reproduksi bagi membantu meningkatkan kadar kelahiran	1
F6	Cukai yang rendah juga diberikan kepada pasangan yang mempunyai bilangan anak yang ramai	1
F7	Hadiah / ganjaran diberikan kepada mereka yang mempunyai bilangan keluarga yang ramai	1
F8	Menggalakkan rakyat kahwin pada usia muda yang produktif dengan menyediakan hadiah dan bantuan untuk memudahkan perkahwinan	1
F9	Menggalakkan majikan pusat penjagaan anak di tempat kerja bagi memudahkan pengurusan anak dan keluarga	1
F10	Kerajaan juga membantu meningkatkan pendapatan dan menjaga kebajikan rakyat dari semasa ke semasa	1
F11	Media massa mempamerkan dapatan kajian / promosi / iklan dan kempen bagi menjayakan dasar ini	1
F12	Membina rumah kos rendah untuk menampung jumlah keluarga besar	1
F13	Memanjangkan cuti bersalin bergaji bagi kakitangan kerajaan daripada 3 anak kepada 5 anak dan tempoh bercuti yang dipanjangkan.	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3m]

(d)	Apakah cabaran bagi mencapai matlamat di 4 (c)	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Tahap pemahaman masyarakat yang masih rendah terhadap keperluan meningkatkan bilangan penduduk	1
F2	Masalah ekonomi / kewangan yang menyebabkan rakyat sukar menanggung bilangan ahli keluarga yang ramai	1
F3	Bekalan makanan yang tidak mencukupi sekiranya masalah penggunaan tanah	1

	/ kualiti bahan makanan tidak dirancang dengan betul.	
F4	Kawasan perumahan yang banyak diperlukan	1
F5	Pekerjaan baru perlu diwujudkan bagi mengerakkan tenaga kerja yang berkualiti	1
F6	Bilangan sekolah dan bilangan guru yang belum mencukupi	1
F7	Perlunya pertambahan kajian penyakit / bilangan pusat perubatan dan pakar perubatan	1
F8	Bekalan air yang mencukupi bagi menampung bilangan penduduk yang ramai	1
F9	Masih terdapat masyarakat yang mempertikaikan dasar ini disebabkan kurang pemahaman dan penjelasan dari pihak berwajib	1
F10	Kadar kesuburan rakyat yang semakin menurun disebabkan ancaman pembangunan industri dan ekosistem	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

5 (a)	Jelaskan latar belakang Nabi Muhammad s.a.w. sehingga berjaya menjadi tokoh paling berpengaruh sepertimana pernyataan di atas.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Sebelum dilantik menjadi rasul lagi, baginda kerap bertahannuth / sentiasa memikirkan keadaan masyarakat Jahiliah.	1
F2	Sejak kecil baginda menempuh pelbagai pengalaman hidup yang mencabar seperti hidup sebagai yatim piatu / menjadi pengembala kambing	1
F3	Baginda melibatkan diri dalam perniagaan dengan berniaga hingga ke Syam / berdagang secara perseorangan / berkongsi.	1
F4	Mempunyai budi pekerti tinggi dan bijak dalam berniaga	1
F5	Memiliki empat sifat terpuji yang utama, iaitu <i>siddiq</i> (berkata benar) / <i>amanah</i> (dipercayai) / <i>tablig</i> (menyampaikan) / <i>fatamah</i> (bijaksana).	1
F6	Menunjukkan ciri kepimpinana apabila berjaya menyelesaikan persengketaan dalam kalangan kabilah Quraisy berpunca dari perletakan Hajar Aswad	1
F7	Baginda menjadi ketua keluarga disebabkan kepimpinannya / sifat pengasih / timbangrasa.	1
F8	Ketokohan baginda terserlah dengan sifat baginda yang rendah diri / bergaul dengan semua lapisan masyarakat / penyayang terhadap kanak-kanak dan orang tua	1
F9	Watak baginda yang pemaaf contohnya kepada orang Arab Quraisy yang menyerah diri / diampun dan dibebaskan	1
F10	Seorang yang berpandangan jauh / bijaksana dalam menyelesaikan masalah contohnya dalam Perjanjian Hudaibiyah	1
F11	Bersifat bijak dalam merancang strategi dakwah baginda contohnya secara rahsia dan secara terbuka / dalam dan luar kota Makkah / Madinah.	1
F12	Tabah dan cecal semasa menyebarkan Islam walaupun ditentang oleh masyarakat Arab Quraisy dan masyarakat luar.	1
F13	Menghadapi penentangan dengan pelbagai strategi seperti berhijrah ke Taif dan Madinah	1
F14	Merangka Piagam Madinah sebagai asas pemerintahan kerajaan Islam .	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 6 x 1m]	[6m]

(b)	Bagaimanakah pengamalan sifat-sifat terpuji di atas dapat membentuk masyarakat dan negara yang cemerlang	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Siddiq akan menghasilkan masyarakat yang tidak berbohong / berkata benar dan dipercayai	1
F2	Sikap siddiq akan melahirkan negara yang rakyatnya boleh dipercayai dan benar / baik seiring dalam pertuturan dan perbuatan	1
F3	Amanah akan melahirkan masyarakat yang jujur	1
F4	Negara akan mudah diurus dengan adanya masyarakat yang bertanggungjawab dalam melaksanakan segala urusan	1
F5	Tabligh akan mewujudkan masyarakat yang tidak menyembunyikan sesuatu ilmu / sebaliknya menyampaikan ilmu untuk dikongsi	1
F6	Negara akan lebih maju apabila berlaku perkongsian ilmu / teknologi	1
F7	Fatanah akan melahirkan masyarakat berilmu dan berakhlak	1
F8	Negara akan sebaris negara maju / lebih dikenali dunia dengan rakyat yang berkualiti / kreatif / inovatif	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 8 x 1m]	<b>[8m]</b>

(c)	Apakah cabaran yang dihadapi oleh masyarakat kini dalam mengekalkan sifat-sifat terpuji atau amalan-amalan mulia?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Kurang penghayatan agama / nilai moral disebabkan lebih mementingkan material	1
F2	Pengaruh media massa yang kurang menekankan rancangan berbentuk keilmuan	1
F3	Peranan keluarga yang semakin terhakis dalam mendidik generasi muda mementingkan akhlak	1
F4	Sikap masyarakat yang lebih mementingkan individu yang berkerjaya hebat dari bersifat mulia	1
F5	Sistem pendidikan yang berorientasi peperiksaan banyak menghasilkan pelajar yang baik akademik dan kurang pentingkan pembangunan akhlak	1
F6	Masyarakat kini tidak meminggirkan nilai-nilai kejiwaan / kemasyarakatan dan lebih bersifat individualistik	1
F7	Ketiadaan contoh / idola untuk diteladani remaja kini	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 6 x 1m]	<b>[6 m]</b>

6 (a) Ceritakan sejarah pengasasan Kerajaan Bani Abbasiyah

<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Setelah berjaya menumbangkan kerajaan Bani Umayyah	1
F2	Disokong oleh golongan Mawali	1
F3	Bergerak secara sulit	1
F4	Ditaja oleh Ali bin Abdullah	1
F5	Secara terbuka dari zaman Khalifah Umar Abdul Aziz	1
F6	Mereka meneruskan kempen atas nama Ahlul Bait untuk mendapat sokongan	1
F7	Menjadikan Khurasan, Kufah dan Humaimah sebagai pusat operasi	1

F8	Abu Salamah al-Khallal di Kufah dan Muslim alKhurasani mengukuhkan di Khurasan	1
F9	Damsyik dijadikan pusat pentadbiran	1
F10	Berpindah ke Baghdad pada zaman Jaafar al-Mansur	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

- (b) Bagaimanakah Kota Baghdad mencapai kegemilangan sebagai pusat keilmuan di zaman khalifah tersebut?

Kod	Butiran	Markah
<b>F1</b>	<b>Kota Baghdad memainkan peranan sebagai pusat intelektual / penyebaran ilmu</b>	1
H1a	berkembang melalui kegiatan penulisan	1
H1b	penterjemahan karya asing ke dalam bahasa Arab	1
<b>F2</b>	<b>Pembinaan baitulhikmah</b>	1
H2a	iaitu sebuah institusi keilmuan	1
H2b	diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rasyid	1
H2c	berkembang semasa pemerintahan Khalifah al- Makmun	1
H2d	Kegiatan utamanya ialah penterjemahan karya falsafah dan sains terutama daripada bahasa Yunani	1
<b>F3</b>	<b>Kegiatan penulisan</b>	1
H3a	dilakukan mengikut tiga tahap	1
H3b	Tahap pertama iaitu mencatat segala idea dan percakapan	1
H3c	Tahap kedua iaitu mengumpul idea yang serupa	1
H3d	atau mengumpulkan hadis Nabi Muhammad s.a.w	1
H3e	Tahap ketiga ialah mengarang	1
<b>F4</b>	<b>Penglibatan golongan ulama dalam penulisan</b>	1
H4a	Ramai ulama mula menyusun hadis	1
H4b	menghasilkan tulisan dalam bidang fikah, tafsir, sejarah dan sebagainya	1
C4a	Contohnya Imam Malik / Ibn Ishaq / Imam Abu Hanifah / Imam Syafi'i dan Imam Ahmad Bin Hanbal	1
H4c	Terdapat pemisahan antara ilmu tafsir, ilmu sirah dan ilmu hadis	
<b>F5</b>	<b>Usaha terjemahan yang dibuat daripada bahasa Sanskrit, Suriani dan Yunani</b>	1
H5a	Orang Islam mencipta dan membuat pembaharuan dalam karya yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab	1
H5b	Mereka menghuraikan dan membuat penambahbaikan terhadap karya tersebut dengan memuatkan keterangan dan ulasan yang sangat bernilai	1
<b>F6</b>	<b>Orang Islam memainkan peranan besar dalam berbakti kepada kebudayaan dunia.</b>	1
H6a	Mereka telah memelihara warisan ilmu daripada lenyap dan terkubur	1
H6b	kerana mereka telah menerima hasil penulisan itu pada masa Eropah dilanda oleh Zaman Gelap	1
H6c	Masyarakat Eropah kurang menghargai ilmu pengetahuan	1
<b>F7</b>	<b>Penubuhan dan peranan pusat pengajian tinggi telah mempertingkatkan lagi kegiatan penyelidikan</b>	1
H7a	hingga kedapatan hasil kajian sarjana Islam telah sampai ke Eropah	1
H7b	sejumlah kajian telah diterjemahkan ke dalam bahasa asing	1
H7c	bermula kebangkitan Eropah	1
<b>F8</b>	<b>Berjaya membuka mata ilmuwan Eropah</b>	1
H8a	Perkembangan keilmuan di Eropah itu telah melahirkan zaman pemulihan budaya / Reinassance	1
H8b	Kegigihan ulama dan ilmuwan Islam dalam penulisan telah meninggalkan	1

	warisan yang sangat bernilai kepada generasi kemudian	
<b>F9</b>	<b>Keterbukaan dan kesediaan masyarakat Islam menimba ilmu daripada pelbagai sumber asing dengan cara menterjemahkan karya tersebut</b>	<b>1</b>
H9a	memberikan banyak faedah kepada golongan Islam sendiri.	1
H9b	Golongan cendekiawan Islam telah membaiki dan meningkatkan lagi karya mutu asalnya.	1
H9c	Berlakulah percambahan dan perkembangan ilmu.	1
	[Mana-mana 8 x 1m]	<b>[8m]</b>

(c) Sejauh manakah bidang penterjemahan penting dalam menyebarkan ilmu?

<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Memperkasa bahasa kebangsaan	1
F2	Membina kekuatan tamadun manusia	1
F3	Pemecah tembok ilmu	1
F4	Relevan sepanjang masa	1
F5	Meningkatkan penguasaan bahasa asing	1
F6	Ilmu berkembang / difahami	1
F7	Memahami pola pemikiran / idea ilmuan dunia	1
F8	Membuka minda masyarakat / mengelakkan pemikiran jumud	1
F9	Memindah / menambah seberapa banyak maklumat / ilmu dalam penulisan	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 8 x 1m]	<b>[8m]</b>

### ATAU

<b>Soalan</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
6 (c)	<p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas. Bukti/ccontoh sangat sesuai. Membuat inferens sangat tepat. Jawapan sangat mendalam/terperinci. Komunikasi/pengolahan sangat menarik. Menunjukkan kematangan.</p> <p>Contoh:</p> <p>Dapat memperkasakan bahasa kebangsaan Dengan penterjemahan karya asing Dapat menambahkan pembedahara kata Lebih banyak karya dapat dihasilkan Meningkatkan ilmu penduduk Melahirkan masyarakat yang mencipta Mengekalkan ketamdunan bangsa Contoh penterjemahan karya falsafah dan sains di zaman Kerajaan Bani Abbasiah</p>	<b>7-8</b>



	<p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahanan yang sangat jelas. Bukti/contoh sesuai. Membuat inferens. Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik</p> <p>Contoh:</p> <p>Dapat memperkasakan bahasa kebangsaan Dengan penterjemahan karya asing Dapat menambahkan pembedahara kata Lebih banyak karya dapat dihasilkan Meningkatkan ilmu penduduk Melahirkan masyarakat yang mencipta</p>	<b>5-6</b>
	<p>Aras 2</p> <p>Jawapan agak mendalam/berkembang Pengetahuan dan pemahanan agak mendalam Membuat infrens yang mudah Komunikasi agak menarik</p> <p>Contoh:</p> <p>Dapat memperkasakan bahasa kebangsaan Dengan penterjemahan karya asing Lebih banyak karya dapat dihasilkan Meningkatkan ilmu penduduk</p>	<b>3-4</b>
	<p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad. Jawapan secara umum</p> <p>Contoh:</p> <p>Dapat memperkasakan bahasa kebangsaan Dengan penterjemahan karya asing</p>	<b>1-2</b>
	[Mana-mana 8 x 1m]	<b>[8m]</b>

7 (a) Terangkan usaha British memajukan perusahaan getah di Tanah Melayu pada abad ke-20

Kod	Butiran	Markah
<b>F1</b>	<b>Peranan Henry N. Ridley</b>	1
H1a	Berusaha membawa masuk getah ke Tanah Melayu.	1
H1b	Berusaha meyakinkan peladang untuk menanam getah.	1
H1c	Dengan mengadakan pameran	1
H1d	Mengagihkan benih getah secara percuma.	1
H1e	Berjaya menemui cara penorehan getah yang sesuai	1
H1f	Sistem menoreh secara ibidem atau berbentuk tulang ikan kering yang tidak merosakkan pokok	1
<b>F2</b>	<b>Menggalakkan kemasukan pemodal asing</b>	1
H2a	Modal milik pelabur Eropah	1
H2b	Syarikat yang beribu pejabat di London membawa masuk modal melalui penubuhan syarikat perwakilan	1
H2c	Seperti Harrisons and Crosfield / Boustead Buttery Estate Agency / Guthrie / Sime Darby	1
<b>F3</b>	<b>Menyediakan kadar sewa tanah dan tarif cukai yang rendah</b>	1
H3a	Memberi 4% dividen pada syarikat pengusaha getah	1
H3b	Pengecualian cukai eksport selama 50 tahun	1
<b>F4</b>	<b>Pembinaan infrastruktur</b>	1
H4a	Jalan raya dan jalan kereta api menghubungkan kawasan pertanian komersial / pelabuhan /pusat pentadbiran	1
<b>F5</b>	<b>Membawa masuk pekerja asing</b>	1
H5a	Terutama dari selatan India untuk bekerja di ladang getah	1
H5b	Tujuan mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh	1
	[Mana-mana 8 x 1m]	<b>[8m]</b>

(b)	Mengapakah orang Melayu tidak melibatkan diri dalam penanaman getah secara besar-besaran pada zaman penjajahan British?	
Kod	Butiran	Markah
<b>F1</b>	<b>British memperkenalkan Enakmen Tanah Padi tahun 1917</b>	1
H1a	Bertujuan mengekalkan orang Melayu sebagai petani	1
H1b	Melarang penanaman getah di kawasan penanaman padi	1
H1c	Bertujuan mengurangkan pekebun kecil getah orang Melayu	1
H1d	British ingin mengekalkan orang Melayu sebagai penanam padi	1
H1e	Bagi mengelakkan pergantungan beras impot	1
<b>F2</b>	<b>Dasar perlindungan kepada pemodal dan pengusaha ladang dari Eropah</b>	1
H2a	Kesan kejatuhan harga getah	1
H2b	Menerusi Rancangan Sekatan Stevenson 1922.	1
H2c	Menerusi Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa 1934	1
H2d	Pekebun kecil diberi kuota yang lebih rendah	1
H2d	Premium untuk permohonan tanah baru untuk penanaman getah turut dinaikkan	1
H2e	Pekebun kecil juga ditekan kerana dianggap mengancam pengusaha ladang dari Eropah	1
<b>F3</b>	<b>Pengenalan Akta Tanah Simpanan Melayu</b>	1
H3a	Melarang penanaman getah/ tanaman komersial	1
H3b	Kebanyakan tanah juga tidak subur	1
H3c	Pekebun kecil milik orang Melayu dipinggirkan	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 6 x 1m]	<b>[6m]</b>

- (c) Perusahaan getah kini menghadapi cabaran untuk terus dimajukan.  
Berikan penjelasan anda.?

Soalan	Butiran	Markah
	<p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas. Bukti/ccontoh sangat sesuai. Membuat inferens yang tepat. Jawapan mendalam/terperinci Pengolahan menarik. Menunjukkan kematangan.</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Golongan muda tidak meminati dalam penanaman getah puncanya memperolehi pendapatan yang rendah dan kerjaya tidak menarik Mereka lebih lebih tertarik bidang kerjaya lain contohnya dalam bidang perindustrian Yang memberi pendapatan yang lebih lumayan Kesannya berlaku kekurangan tenaga buruh dalam sektor terlibat dengan itu majoriti pekerja/pengusaha tanaman getah ialah golongan tua dan seterusnya pengeluaran getah semakin berkurangan</i></p>	5 - 6
	<p>Aras 2</p> <p>Jawapan dan pemahaman yang jelas Jawapan agak mendalam. Menyatakan hujah secara ringkas.</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Golongan muda tidak meminati dalam penanaman getah puncanya memperolehi pendapatan yang rendah dan kerjaya tidak menarik Mereka lebih lebih tertarik bidang kerjaya lain contohnya dalam bidang perindustrian</i></p>	3 - 4
	<p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad. Jawapan secara umum.</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Golongan muda tidak meminati dalam penanaman getah puncanya memperolehi pendapatan yang rendah</i></p>	1 - 2

8 (a)	Berdasarkan Sumber 1, apakah isu yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid dalam merangka dan menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebelum merdeka ?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Pembentukan sebuah kerajaan yang kuat	1
F2	Pemberian kuasa autonomi kepada negeri	1
F3	Isu kedudukan Raja-Raja Melayu	1
F4	Hak istimewa orang Melayu	1
F5	Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu	1
F6	Kerakyatan <i>jus soli</i>	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	<b>[4 m]</b>

(b)	Berdasarkan Sumber 2, jelaskan isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan	1
F2	Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri	1
F3	Melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama	1
F4	Institusi Raja dijadikan Raja berpelembagaan pada peringkat negeri dan negara	1
F5	Tiga jenis kerakyatan di wujudkan	1
F6	Secara kuatkuasa undang-undang, permohonan dan naturalisasi	1
F7	Prinsip jus soli diterima	1
F8	Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan	1
F9	Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan	1
F10	Tanah Simpanan Melayu dikekalkan	1
F11	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
F12	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara	1
F13	Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen	1
F14	Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa parlimen	1
F15	Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran di peringkat negeri	1
F16	Menteri Besar dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO	1
	[Mana-mana 8 x 1m]	<b>[8 m]</b>

(c)	Mengapakah kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 perlu dihayati oleh generasi muda pada hari ini ?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Menghormati dan mendaulatkan institusi beraja	1
F2	Bersyukur agama Islam menjadi agama Persekutuan	1
F3	Menghargai kemerdekaan yang diperolehi	1
F4	Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan	1
F5	Menghargai perjuangan tokoh-tokoh terdahulu	1
F6	Melahirkan perasaan cinta kepada negara	1
F7	Menanam semangat menghargai kemerdekaan	1
F8	Melahirkan rasa bersyukur atas nikmat kemerdekaan	1
F9	Memupuk perpaduan di kalangan masyarakat	1
F10	Menerapkan nilai tanggungjawab sebagai warganegara	1
F11	Melahirkan semangat untuk terus maju	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 8 x 1m]	<b>[8 m]</b>

9 (a) Apakah intipati Perjanjian Malaysia 1963 yang menjadi penyatuan dalam kalangan negeri anggota?

Kod	Butiran	Markah
F1	Semua urusan dan hal ehwal luar tanggungjawab kerajaan Persekutuan	1
F2	Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan kecuali Sabah dan Sarawak	1
F3	Agama lain bebas diamalkan	1
F4	Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan	1
F5	Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain boleh digunakan	1
F6	Bahasa rasmi di Sabah dan Sarawak adalah bahasa Inggeris sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia	1
F7	Sabah dan Sarawak diberi kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam	1
F8	Sarawak memperoleh 24 kerusi perwakilan kuasa	1
F9	Sabah memperoleh 16 kerusi perwakilan kuasa	1
F10	Singapura memperoleh 15 kerusi perwakilan kuasa	1
F11	Rakyat bumiputera Sabah dan Sarawak mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu	1
[ Mana-mana 8 x 1 m ]		<b>[8 m]</b>

(b) Perjanjian Malaysia 1963 dibentuk dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan semua negeri anggota.  
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

Kod	Butiran	Markah
F1	Penubuhan Suruhanjaya Cobbold	1
F2	Menerima memorandum daripada pelbagai pertubuhan	
F3	Pandangan dan pendapat rakyat Sabah dan Sarawak dikemukakan kepada Suruhanjaya Cobbold untuk dimasukkan dalam perlembagaan baru	1
F4	Semua negeri mendapat kerusi parlimen	1
F5	Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ditubuhkan	1
F6	Hak dan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak ditinjau	1
F7	Jaminan kebebasan mengamalkan agama masing-masing	1
F8	Bumiputera Sabah dan Sarawak mendapat hak yang sama dengan orang Melayu di Tanah Melayu	1
Mana-mana jawapan munasabah		
[Mana-mana 6 x 1m]		<b>[6 m]</b>

(c) Hubungkan pembentukan Malaysia terhadap kemakmuran negara kita sehingga hari ini

Kod	Butiran	Markah
F1	Negeri kurang maju dapat dimajukan	1
F2	Mewujudkan pasaran yang lebih luas	1
F3	Memfaatkan sumber yang ada dalam setiap negeri	1
F4	Menggalakkan pelaburan	1
F5	Membangunkan sektor pelancongan	1
F6	Pertahanan negara diperkukuh	1
F7	Menggalakkan perkembangan industri pertanian/perkilangan	1
F8	Membekalkan tenaga mahir/tenaga kerja	1
Mana-mana jawapan munasabah		
[Mana-mana 6 x 1m]		<b>[6 m]</b>

10 (a)	Jelaskan sejarah penciptaan bendera kebangsaan negara kita.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Penubuhan jawatankuasa khas untuk memperaku reka bentuk bendera	1
F2	Majlis Perundangan Persekutuan mengadakan pertandingan peringkat kebangsaan	1
F3	Bertujuan untuk memilih bendera kebangsaan	1
F4	Seramai 373 orang pereka bentuk mengambil bahagian	1
F5	Tiga reka bentuk bendera dipilih ke peringkat akhir	1
F6	Majlis Perundangan Persekutuan / Akhbar Malay Mail menjemput orang ramai memberi pandangan	1
F7	Reka bentuk Encik Mohamad Hamzah /Arkitek Kerajaan Johor dipilih	1
F8	Beberapa pindaan terhadap reka bentuk asal dilakukan	1
F9	Majlis Perundangan Persekutuan meluluskan reka bentuk bendera	1
F10	King George VI telah memperkenalkan reka bentuk bendera	1
F11	Berkibar kali pertama pada 26 Mei 1950 / di Istana Sultan Selangor	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[ 4m]

(b)	Terangkan maksud warna dan simbol yang terdapat pada bendera kebangsaan kita.	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Warna merah melambangkan keberanian	1
F2	Warna putih melambangkan kesucian	1
F3	Warna kuning melambangkan kedaulatan Raja-Raja Melayu	1
F4	Warna biru melambangkan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum	1
F5	Bulan Sabit melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan	1
F6	Bintang berpecah 14 melambangkan gabungan 14 buah negeri dalam Persekutuan Malaysia	1
F7	14 jalur warna merah dan putih melambangkan gabungan negeri di Malaysia	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[ 4m]

(c)	(i) Sejauh manakah anda dapat melaksanakan tanggungjawab tersebut?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Memasang Jalur Gemilang semasa hari / bulan kemerdekaan	1
F2	Menaikkan Jalur Gemilang semasa nyanyian lagu Negaraku	1
F3	Menjaga maruah / kemuliaan Jalur Gemilang	1
F4	Menghias Jalur Gemilang di kelas / sekolah	1
F5	Menganjurkan pertandingan melukis Jalur Gemilang	1
F6	Menjelaskan kepada pelajar lain tentang kepentingan Jalur Gemilang	1
F7	Menyertai perarakan Jalur Gemilang	1
F8	Memasang Jalur Gemilang di rumah	1
F9	Memasang Jalur Gemilang semasa majlis rasmi di sekolah	1
F10	Menerangkan cara-cara menghormati Jalur Gemilang	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 6 x 1m]	[ 6m]

(c)	(ii) Ulaskan maksud lirik tersebut?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
	<b>Di bawah naunganmu</b>	
F1	Merasa bangga menjadi rakyat Malaysia	1
F2	Simbol kedaulatan negara	1

F3	Simbol kemerdekaan negara	1
	<b>Kami semua bersatu</b>	
F4	Menyemai sikap sanggup berkorban	1
F5	Menuntut rakyat bersyukur	1
F6	Membangkitkan semangat perjuangan	1
	<b>Perpaduan</b>	
F7	Simbol perpaduan masyarakat berbilang kaum	1
F8	Memupuk kerjasama antara kaum	1
F9	Membentuk masyarakat yang harmoni	1
	<b>Ketaatan</b>	
F10	Tanda taat kepada raja/ pemimpin	1
F11	Tanda taat kepada negara	1
F12	Memupuk kesetiaan rakyat	1
	<b>Amalan murni rakyat Malaysia</b>	
F13	Tanggungjawab kepada negara	1
F14	Mengukuhkan jati diri	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
		[Mana-mana 6 x 1m] [ 6m ]

Soalan	Butiran	Markah
(c) ii	<p>Aras 1</p> <p>Jawapan mudah / pengetahuan / pemahaman yang terhad Mengulas perkara yang tercatat dalam petikan</p> <p>Contoh:</p> <p>Jalur Gemilang lambang rakyat yang bersatu/ perpaduan/ ketaatan/ nilai ini diamalkan oleh rakyat</p>	<p><b>1-2</b></p> <p>1</p> <p>1</p>
	<p>Aras 2</p> <p>Jawapan agak mendalam / pengetahuan / pemahaman yang jelas dan membuat inferens Mengulas dengan jelas dan menunjukkan pengetahuan/ pemahaman yang mendalam</p> <p>Contoh:</p> <p>Jalur Gemilang menimbulkan rasa bangga sebagai rakyat/ warganegara Malaysia menimbulkan rasa bangga terhadap negara menjadi simbol kedaulatan negara lambang kemerdekaan sesebuah negara.</p>	<p><b>3-4</b></p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	<p>Aras 3</p> <p>Jawapan mendalam / pengetahuan / pemahaman yang sangat jelas dan membuat inferens yang tepat. Menunjukkan kematangan Mengulas dengan mantap dan menunjukkan pengetahuan/ pemahaman yang mendalam/ meluas dan contoh yang sangat jelas.</p>	<p><b>5-6</b></p>

Contoh:	
Jalur Gemilang menimbulkan rasa bangga sebagai rakyat/ warganegara Malaysia menjadi simbol kedaulatan negara	1
lambang kemerdekaan negara.	1
Jalur Gemilang membangkitkan semangat perjuangan	1
sanggup berkorban untuk negara	1
atlet sukan berusaha menaikkan nama negara	1

11 (a)	Malaysia telah memberikan sumbangan penting kepada kedua-dua pertubuhan di atas. Jelaskan peranan Malaysia dalam (i) NAM	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Mengemukakan usul membela kepentingan negara-negara sedang membangun	1
F2	Isu Palestin / kerjasama ekonomi / isu Benua Antartika	1
F3	Sidang kemuncak kelapan di Harare kemukakan cadangan menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan	1
F4	Tahun 1989 diberi penghormatan dipilih sebagai Naib Presiden dalam sidang kemuncak NAM di Belgrade	1
F5	Dipilih ahli Kumpulan 16	1
F6	Membincangkan kerjasama politik negara anggota	1
F7	Menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM yang ke 13 tahun 2003	1
F8	Sidang ini mencatat penyertaan tertinggi dengan kehadiran 63 negara	1
F9	Iaitu 31 Ketua Negara dan 32 Ketua Kerajaan	1
F10	Sidang ini juga Berjaya mendaftar dua negara baru	1
F11	Timor Leste dan Pulau Catalina	1
F12	Deklarasi Kuala Lumpur menekankan usaha menghidupkan kembali NAM	1
F13	Mengeluar pernyataan bersama tentang kedudukan Palestin	1
F14	Dan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	<b>[6 m]</b>

	(ii) OIC	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
F1	Ditubuhkan hasil idea Tunku Abdul Rahman	1
F2	Tunku Abdul Rahman diberi penghormatan menjadi Setiausaha Agung OIC pertama	1
F3	Malaysia menjadi perantara menyelesaikan peperangan Iran - Iraq	1
F4	Memberi sokongan kepada rakyat Palestin untuk mendapatkan semula tanah air mereka daripada Israel	1
F5	Menjadi tuan rumah Persidangan OIC 1974 dan 2003	1
F6	Menganjur persidangan menentang pengganas di kalangan Negara Islam pada tahun 2002	1
F7	Memberi tawaran biasiswa kepada para pelajar dar negara OIC untuk belajar di UIAM	1
F8	Mengesyorkan penggunaan dinar emas di kalangan negara Islam	1
F9	Untuk urusan perdagangan / kegiatan ekonomi	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	<b>[6 m]</b>



(b)	Sejauh manakah hubungan diplomatik dapat mensejahterakan negara?	
<b>Kod</b>	<b>Butiran</b>	<b>Markah</b>
	<p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Bukti / contoh yang sesuai Membuat inferens Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Memelihara kedaulatan negara seperti dapat meningkatkan kawalan sempadan secara bersama dapat membentaras kegiatan jenayah / perlanunan / penyeludupan keselamatan negara terjamin / mengelak kerugian kutipan cukai negara contoh mengadakan rondaan bersama pasukan keselamatan Thailand /Indonesia dapat mengeratkan hubungan dua hala di samping dapat mempercepatkan bertukar-tukar maklumat dan memberi impak yang baik kepada keamanan dan keharmonian Negara.</i></p>	7 – 8
	<p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas Bukti / contoh yang sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Memelihara kedaulatan negara seperti dapat meningkatkan kawalan sempadan secara bersama dapat membentaras kegiatan jenayah / perlanunan / penyeludupan keselamatan negara terjamin / mengelak kerugian kutipan cukai negara contoh mengadakan rondaan bersama pasukan keselamatan Thailand /Indonesia dapat mengeratkan hubungan dua hala</i></p>	5 – 6
	<p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Memelihara kedaulatan negara seperti dapat meningkatkan kawalan sempadan secara bersama dapat membentaras kegiatan jenayah / perlanunan / penyeludupan keselamatan negara terjamin / mengelak kerugian kutipan cukai negara</i></p>	3 – 4

	<p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhadap Jawapan secara umum</p> <p>Contoh:</p> <p><i>Memelihara kedaulatan negara seperti dapat meningkatkan kawalan sempadan secara bersama</i></p>	1 - 2
--	--	-------